

SYARAT – SYARAT YANG DITETAPKAN BAGI PENGIKTIRAFAN PENDAFTARAN JURUTERA PROFESIONAL DENGAN JABATAN PEGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

1. Syarat – syarat yang ditetapkan terbahagi kepada 2 kategori iaitu;

Kategori 1.

- i. Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan atau sains dari mana – mana Institusi Pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; dan
- ii. Telah berdaftar sebagai Jurutera Profesional dengan Lembaga Jurutera Malaysia; dan
- iii. Lulus dalam sesi temuduga yang dianjurkan oleh Bahagian Kejuruteraan Automotif, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia.

Kategori 2.

- i. Bagi pemohon yang tidak memiliki Ijazah Sarjana Muda dan lulus peperiksaan dari badan Ikhtisas Bahagian I dan II yang dianjurkan oleh Lembaga Jurutera Malaysia / Institusi Jurutera Malaysia; dan
- ii. Lulus peperiksaan khas yang dianjurkan oleh Bahagian Kejuruteraan Automotif, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia;

Kriteria peperiksaan;

- Perlu menjawab 5 dari 7 soalan subjektif
 - Masa peperiksaan 2 jam 30 minit
 - Hanya boleh diambil satu kali dalam tempoh satu tahun.
- iii. Lulus dalam sesi temuduga yang dianjurkan oleh Bahagian Kejuruteraan Automotif, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia.

2. Bagi pemohon yang telah berdaftar dahulu dengan Bahagian Kejuruteraan Automotif yang tidak memenuhi syarat seperti di Kategori 1 dan masih belum lulus peperiksaan khas seperti di kategori 2 akan hanya dipertimbangkan untuk menandatangani pelan – pelan teknikal kenderaan yang disediakan oleh syarikat miliknya sahaja dan tidak layak untuk menandatangani bagi bengkel kejuruteraan dan proses – proses lain sehingga lulus peperiksaan khas tersebut.
3. Bagi tujuan pendaftaran / pengiktirafan hanya Jurutera yang menandatangani akan dibenar untuk berurusan dengan JPJ.